



LEMBARAN FAKTA

SAFEWORK NSW

FAKTA-FAKTA ASAS: HAK ANDA DALAM PEKERJAAN

UNDANG-UNDANG KESIHATAN DAN KESELAMATAN KERJA AUSTRALIA

Jika anda pemegang visa kerja sementara, penduduk tetap, atau warga negara Australia, anda tertakluk kepada undang-undang kesihatan dan keselamatan kerja yang berkuat kuasa atas setiap orang di Australia.

Anda mempunyai hak sebagai pekerja di Australia.

HAK UNTUK DITUNJUKKAN CARA BEKERJA DENGAN SELAMAT

Apabila memulakan kerja, anda patut:

- ditunjukkan cara menggunakan apa-apa peralatan yang anda akan kendalikan
- dilatih cara menggunakan peralatan dengan selamat
- dibekalkan dengan peralatan keselamatan yang sesuai dengan pekerjaan anda, iaitu peralatan pelindung diri (PPE). PPE mestilah dalam keadaan baik dan anda tahu cara menggunakan serta memakainya dengan betul
- ditunjukkan tempat kerja termasuk pintu masuk dan keluar, kemudahan yang disediakan, dan tempat pertolongan cemas

- diberitahu prosedur menyelamatkan diri dalam kecemasan
- diperkenalkan kepada penyelia terdekat, wakil kesihatan dan keselamatan, serta mereka yang akan bekerja bersama anda
- diberitahu dasar dan prosedur keselamatan di situ, termasuk cara melaporkan masalah atau kecederaan
- jelas memahami peranan dan tanggungjawab setiap orang demi keselamatan tempat kerja.

Pengenalan ini disebut induksi tempat kerja. Jika tidak pasti tentang sesuatu semasa induksi atau semasa bekerja, mintalah bantuan penyelia anda. Jika masih berasa bimbang, wakil kesihatan dan keselamatan (HSR) anda mungkin dapat membantu.

HAK UNTUK BERSUARA

Jika tidak pasti cara melakukan sesuatu dengan selamat, minta penyelia anda supaya memberi bantuan atau mengadakan latihan. Jika bimbang tentang sesuatu isu kesihatan dan keselamatan, berbincanglah dengan penyelia atau HSR anda. Jika tidak puas hati dengan tindakan mereka, hubungi SafeWork NSW di nombor telefon 13 10 50. Anda boleh meminta bantuan jurubahasa untuk berkomunikasi.

Untuk bantuan kesihatan mental:

- Lifeline 13 11 14
- Beyond Blue 1300 224 636

HAK UNTUK MENOLAK KERJA YANG BERBAHAYA

Anda berhak untuk menolak pekerjaan yang berbahaya. Jika diminta melakukan sesuatu yang anda fikir mungkin berbahaya, berhentilah dan beritahu penyelia atau HSR anda.

HAK UNTUK DIAJAK BERUNDING

Perundingan memberikan kita peluang untuk ikut serta dan berkongsi penerangan tentang kesihatan dan keselamatan kerja.

HAK UNTUK MENERIMA PAMPASAN PEKERJA

Majikan anda mesti mempunyai insurans supaya, jika anda cedera, anda boleh mendapatkan rawatan perubatan yang diperlukan dan pampasan untuk kehilangan wang pendapatan. Perlindungan ini disebut insurans pampasan pekerja. Jika anda cedera, anda perlu membuat tuntutan pampasan pekerja melalui majikan anda.

Ketahui cara membuat tuntutan atau hubungi Workers Independent Review Office (WIRO) (Pejabat Tinjauan Bebas Pekerja) tel 13 94 76.

HAK UNTUK BEKERJA DI TEMPAT KERJA YANG ADIL DAN SAKSAMAI

Anda berhak untuk tidak dibuli di tempat kerja. Membuli adalah kelakuan yang tidak wajar dan dilakukan berulang kali terhadap seorang atau sekumpulan pekerja. Jika ragu-ragu, minta nasihat daripada orang yang objektif dan tidak berat sebelah, yang arif tentang pilihan-pilihannya dan yang anda percayai. Misalnya penyelia, pengurus, atau pegawai kesihatan dan keselamatan (HSR) yang dipercayai. Atau dapatkan penerangan lanjut daripada buku panduan. Jika tidak berhasil juga, hubungi kami untuk membuat aduan.

Jika anda rasa dibuli atas dasar diskriminasi (misalnya kerana jantina, bangsa atau agama anda), itu mungkin satu pelanggaran hak asasi atau undang-undang peluang sama rata.

Anda boleh:

- layari laman web [Human Rights Commission](#)
- atau bercakap dengan [anti-discrimination board](#) di negeri atau wilayah anda

HAK UNTUK MENDAPAT GAJI DAN CUTI YANG ADIL

Untuk mendapatkan penerangan tentang kadar gaji, hubungi Fair Work Ombudsman

(Ombudsman Gaji Adil), di nombor telefon 13 13 94. Anda boleh meminta bantuan jurubahasa di nombor telefon 13 14 50.

TANGGUNGJAWAB KESELAMATAN ANDA DI TEMPAT KERJA

Sebagai pekerja anda dikehendaki menjaga diri dengan sewajarnya, dan jangan melakukan sesuatu yang boleh menjejas kesihatan dan keselamatan orang lain di tempat kerja.

Anda mesti mematuhi apa-apa arahan kesihatan dan keselamatan yang munasabah yang diberikan oleh majikan anda. Penting bagi anda:

- bertanya jika tidak pasti cara melakukan kerja dengan selamat
- mematuhi arahan dan bekerja dengan selamat
- melaporkan kecederaan serta keadaan berbahaya dan tidak sihat kepada penyelia terdekat.

Ingatlah, HSR mewakili isu-isu kesihatan dan keselamatan sesuatu kumpulan kerja dan dapat berbincang dengan majikan anda bagi pihak anda. Jika anda bekerja melalui sebuah badan latihan kumpulan atau agensi tenaga kerja, anda juga boleh melaporkan apa-apa masalah kesihatan dan keselamatan kepada mereka.

KEWAJIPAN MAJIKAN ANDA

Majikan anda mesti menyediakan:

- tempat kerja yang selamat dan sihat, ingatlah kesihatan termasuk aspek psikologi dan fizikal
- peralatan, struktur dan sistem yang selamat dalam pekerjaan
- kemudahan tempat kerja yang memadai
- penerangan induksi, latihan dan penyeliaan
- peluang untuk anda bercakap tentang kesihatan dan keselamatan kerja.

KAMI DAPAT MEMBANTU

SafeWork NSW merupakan badan kawal selia kesihatan dan keselamatan kerja di New South Wales. Kami bertanggungjawab untuk mendidik, memastikan kepatuhan dengan undang-undang kesihatan dan keselamatan kerja, serta menguatkuasakan undang-undang di NSW.

Untuk semua penerangan, telefon 13 10 50 atau layari www.safework.nsw.gov.au.

Kenyataan Sangkalan

Risalah ini mungkin mengandungi penerangan tentang peraturan dan penguatkuasaan kesihatan dan keselamatan kerja di NSW. Kadungannya mungkin merangkumi kewajipan anda dalam beberapa undang-undang yang ditadbirkan oleh SafeWork NSW. Untuk memastikan anda mematuhi kewajipan undang-undang, anda mesti merujuk kepada undang-undang yang berkeraian.

Penerangan tentang undang-undang yang terbaru boleh diperiksa dengan mengunjungi laman sesawang www.legislation.nsw.gov.au

Risalah ini bukan penjelasan lengkap tentang undang-undang yang berkaitan dengan masalah atau individu tertentu atau menggantikan nasihat undang-undang. Anda patut mendapatkan nasihat undang-undang yang bebas jika memerlukan bantuan tentang pelaksanaan undang-undang dalam situasi anda.

Bahan ini boleh dipaparkan, dicetak dan disalin tanpa pindaan untuk keperluan peribadi, di dalam syarikat atau bukan komersial.

Catalogue No. SW08146
SafeWork NSW, 92-100 Donnison Street,
Gosford, NSW 2250
Locked Bag 2906, Lisarow, NSW 2252
Customer Experience 13 10 50
Website www.safework.nsw.gov.au
© Copyright SafeWork NSW 0719